



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

PENENTUAN AWAL WAKTU SOLAT SUBUH DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah berbincang mengenai **Penilaian Semula Penentuan Awal Waktu Solat Subuh Bagi Negeri Kedah Darul Aman** pada 27 Januari 2020 dan berpandangan seperti berikut;

- 1) Jawatankuasa Fatwa bersetuju menerima keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali ke 116 yang bersidang pada 21-21 November 2019 mengenai Permulaan Waktu Solat Subuh adalah **menggunakan parameter *altitude* matahari 18° di bawah ufuk.**
- 2) Kesan perubahan menggunakan parameter *altitude* matahari daripada 20° kepada 18° di bawah ufuk menyebabkan **selisih sebanyak 2° bersamaan 8 minit** kerana setiap darjah membabitkan perubahan masa selama 4 minit.
- 3) Oleh itu, permulaan masuk waktu solat Subuh dan Imsak di Negeri Kedah hendaklah **ditambah sebanyak 8 minit** kerana ia lebih menepati kepada **permulaan Fajar Sodik** seperti mana dapatan kajian **Kecerahan Langit** yang dilaksanakan oleh sekumpulan Pakar Penyelidik Falak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- 4) Sementara solat Subuh yang telah didirikan sebelum ini **tetap dikira sah** dan **tidak perlu diqadha'** kerana atas ijtihad para ulamak terdahulu. Manakala pertambahan 8 minit untuk waktu solat Subuh sepertimana keputusan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah adalah "lebih kuat" atas ijtihad ahli Falak pada masa kini. Ini berdasarkan;

a) Pandangan ulama’;

وَاتَّفَقَ الْعُلَمَاءُ عَلَى أَنَّهُ لَوْ حَكَمَ الْقَاضِي بِاجْتِهَادِهِ ثُمَّ تَغَيَّرَ بِاجْتِهَادٍ آخَرَ لَا يُنْقَضُ الْأَوَّلُ وَإِنْ كَانَ الثَّانِي أَقْوَى مِنْهُ، غَيْرَ أَنَّهُ إِذَا تَجَدَّدَ لَهُ لَا يُعْمَلُ إِلَّا بِالثَّانِي.¹

Mafhumya; Para ulama’ telah bersepakat bahawa apabila pemerintah telah memutuskan satu hukum berdasarkan ijtihadnya kemudian berubah hukum tersebut disebabkan semakan semula telah dibuat dengan berdasarkan ijtihad yang lain, maka tidak terbatal (dihukum salah / dianggap salah) hukum dan amalan yang pertama sekalipun ijtihad yang kedua lebih kuat daripada ijtihad yang pertama. Maka pada ketika itu tidak boleh beramal dengan hukum yang pertama melainkan hukum yang kedua sahaja.

b) Kaedah Fiqh;²

"الاجتهاد لا ينقض بالاجتهاد"

Maksudnya; Hukum hasil ijtihad yang terdahulu tidak terbatal kerana adanya ijtihad yang kemudian.

"تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة"

Maksudnya; Tindakan yang dilaksanakan oleh pemerintah ke atas rakyat adalah berasaskan kepada masalah.

5) Perubahan Jadual Waktu Solat Subuh dan Imsak menggunakan kaedah pengiraan baharu (18° di bawah ufuk) bagi Negeri Kedah Darul Aman berkuatkuasa pada 1 Rejab 1441 bersamaan 25 Februari 2020.

TARIKH KEPUTUSAN : 27 JANUARI 2020

¹ دكتور عبدالعزيز مجد عزم، كتاب القواعد الفقهية، دارالحديث القاهرة، 1426 / 2005 ص 233.
² دكتور عبدالعزيز مجد عزم، القواعد الفقهية، دار الحديث القاهرة، 1426 / 2005 ص 233 دان 260.